



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **1,345 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **29,579 kes** (71.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (967 kes);
- Selangor (235 kes);
- Negeri Sembilan (63 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (48 kes);
- Pulau Pinang (17 kes);
- Sarawak (7 kes);
- Kedah (2 kes);
- Perak (2 kes);
- Melaka (2 kes); dan
- Kelantan (2 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 9 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **972 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **41,181 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,308 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 370 kes (38.1 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 165 kes (17.0 peratus) daripada jumlah keseluruhan.

Sebanyak 14 kes (1.4 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara. Ini melibatkan Kluster PTS Tawau (6 kes), Kluster Penjara Sandakan (4 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (4 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 972 kes baharu pada hari ini, **terdapat lima (5) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara dan tiga (3) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Filipina (2 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- Singapura (2 kes di Johor); dan
- Nepal (1 kes di Selangor).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 370 kes**

- 120 kes daripada kluster-kluster, termasuk 27 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Nahaba** dan **Kluster Numbak**; dan
- 164 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 86 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 260 kes**

- 247 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Tiga (3) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 137 kes**

- 57 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Perigi**;
- 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- 42 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan : 63 kes**

- 18 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 20 kes**

- 14 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Seri Terapi**;

- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak : 51 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Pulau Pinang : 34 kes**
 - 28 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kedah : Lapan (8) kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Johor : Lapan (8) kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Padang**; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka : Lima (5) kes**
 - Empat (4) daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Lima (5) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Harmoni**.
- **Sarawak : Empat (4) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan

- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Kelantan: Dua (2) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **86 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **31 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **lapan (8) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **294 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
287	39867	Sabah	Lelaki (WN)	72	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit jantung
288	38805	Sabah	Lelaki (WN)	51	Hospital Duchess of Kent	Strok
289	38736	Sabah	Lelaki (WN)	53	Hospital Tawau	-
290	31272	Sabah	Lelaki (WN)	1	Hospital Duchess of Kent	Penyakit jantung berlubang, Sindrom Down dan Hipotiroidisme

291	28633	Wilayah Persekutuan Labuan	Lelaki (WN)	66	Hospital Labuan	Penyakit darah tinggi
292	37623	Sabah	Perempuan (WN)	71	Hospital Tuaran	Penyakit darah tinggi dan katarak
293	39870	Sabah	Perempuan (BWN)	55	Hospital Queen Elizabeth	-
294	39868	Sabah	Perempuan (BWN)	65	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER BAH PERDANA DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa, **Kluster Bah Perdana** telah tamat pada hari ini. Kluster ini melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehingga 9 November 2020, seramai 55 individu telah disaring di mana sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 dan baki 46 individu adalah negatif. Tiada kes kematian dilaporkan dalam kluster ini.

ENAM (6) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **enam (6) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER NAHABA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Belud di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-35808) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 4 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 24 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Seri Bayu Pirasan, Kota Belud.

Sehingga 9 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 65 individu telah disaring, di mana:

- 25 kes dikesan positif COVID-19 (**24 kes baharu**); dan
- 40 individu dikesan negatif.

2. KLUSTER NUMBAK

Kluster ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-22036) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kemasukan ke wad di Hospital Queen Elizabeth pada 17 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 9 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- Tujuh (7) individu dikesan negatif; dan
- Enam (6) individu masih menunggu keputusan.

3. KLUSTER PERIGI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Klang di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18667) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 15 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 38 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 9 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 124 individu telah disaring, di mana:

- 39 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
- 85 individu masih menunggu keputusan.

4. KLUSTER SERI TERAPI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan daerah Alor Gajah di negeri Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-36180) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 3 November 2020 dan kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 11 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 9 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 126 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
- Lapan (8) individu dikesan negatif; dan
- 106 individu masih menunggu keputusan.

5. KLUSTER PADANG

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-39210) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak empat (4) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

Sehingga 9 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 338 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);
- 173 individu dikesan negatif; dan
- 160 individu masih menunggu keputusan.

6. KLUSTER HARMONI

Kluster baharu ini melibatkan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes-kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 7 November 2020. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 9 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 50 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**);
- 28 individu dikesan negatif; dan
- 17 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 9 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	370	20,792
SELANGOR	138 (1)	6,287
W.P. KUALA LUMPUR	22 (2)	3,197
NEGERI SEMBILAN	260	2,313
KEDAH	8	2,217
PULAU PINANG	34	1,394
W.P. LABUAN	63	1,046
SARAWAK	4	991
JOHOR	10 (2)	941
PERAK	51	647
PAHANG	0	395
MELAKA	5	332
TERENGGANU	0	225
KELANTAN	2	188
W.P. PUTRAJAYA	5	178
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	972 (5)	41,181

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(9 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	130	250	1,048	245 (0)	5	0
2	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang	57	614	2,219	251 (3)	363	0
3	Rengas	Perak	Kuala Kangsar	50	101	320	101 (0)	0	0
4	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Seremban, Port Dickson, Rembau	42	180	653	176 (0)	4	0
5	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Kuala Muda	27	62	464	58 (1)	4	0

6	Sutera	Sabah	Kota Kinabalu	26	46	111	46 (0)	0	0
7	Ria-30	Sabah	Tuaran	25	49	688	49 (0)	0	0
8	Mampulut	Sabah	Keningau	17	63	359	63 (0)	0	0
9	Gedong	Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Seremban, Port Dickson, Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Petaling, Johor Bahru, Cheras, Lembah Pantai, Putrajaya	15	65	650	54 (0)	11	0
10	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	13	430	2,254	267 (1)	163	0
11	Jernih	Negeri Sembilan	Seremban	11	34	122	21 (0)	13	0
12	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	10	262	1,211	34 (0)	228	0

13	Saguking	WP Labuan	Labuan	9	361	3,539	173 (0)	187	1
14	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling	9	31	420	31 (0)	0	0
15	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai	7	175	217	165 (1)	10	0
16	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	7	83	111	83 (0)	0	0
17	PTS Tawau	Sabah	Tawau	6	606	1,671	507 (0)	98	1
18	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor	6	34	765	12 (0)	22	0

19	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	4	1,825	3,951	488 (1)	1,337	0
20	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	4	425	1,114	425 (1)	0	0
21	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	4	124	2,345	77 (3)	47	0
22	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta	4	46	1,315	45 (1)	0	1

23	Berendam	Melaka	Alor Gajah, Melaka Tengah	4	12	1,961	11 (0)	1	0
24	Tenaga	WP Labuan	Labuan	3	105	229	72 (0)	33	0
25	Tanamera	Sabah	Tawau, Tuaran	3	74	160	39 (0)	35	0
26	Astaka	Selangor, Pahang	Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Klang, Maran	3	60	213	21 (0)	39	0
27	Titian	WP Labuan	Labuan	3	49	530	30 (0)	19	0
28	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	3	45	1,036	18 (0)	27	0
29	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	3	42	195	23 (0)	18	1
30	Dialisis	Sabah	Lahad Datu	3	27	106	22 (0)	5	0
31	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	2	126	1,173	19 (1)	107	0
32	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	2	79	1,206	50 (0)	29	0

33	Ikhtisas	Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan	Petaling, Klang, Jeli, Seremban	2	24	362	20 (0)	4	0
34	Titir	Sabah	Keningau	1	137	2,005	36 (0)	101	0
35	Basung	Sabah	Kudat	1	88	697	27 (0)	61	0
36	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	1	64	1,074	12 (0)	52	0
37	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	50	351	12 (0)	38	0
38	Kertang	Sabah	Kota Belud	1	42	747	5 (0)	37	0
39	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	1	36	967	36 (0)	0	0
40	Telipok	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	1	17	151	9 (0)	8	0
41	Sembulan	Sabah	Kota Kinabalu	1	13	99	3 (0)	10	0

42	Danau	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	1	9	827	7 (0)	2	0
----	-------	-----------------	------------	---	---	-----	-------	---	---